

# Teater dan koreografi di Matic

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) sedang mengadakan Aprisiasi Seni 98' sehingga 23 Mei ini di Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia (Matic), Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Program ini merupakan kerja khusus bagi pelajar-pelajar tahun akhir dalam empat bidang iaitu penulisan kreatif, seni tari, teater dan muzik.

Antara persembahan yang diadakan ialah teater *Di Bawah Lindungan Kaabah* arahan Marlia Musa, lakonan Azizi Mohamad Said dan koreografi *Mala* oleh Eliza Mustaffa (12 Mei), teater *Monolog Yang Benar* lakonan Rosman Ishak arahan Puay Tin dan koreografi *Tik* oleh Mohd. Shahril Akla (13 Mei).

Teater bukan *Bukan Bunuh Diri* lakonan Rosdeen Subuh arahan Megat Adnan Megat Ridzuan dan koreografi *Angin* oleh Abu Bakar Sulaiman (14 Mei), teater *Perhiasan Kaca* arahan Norzizi Zulkifli (15 Mei)

Keterangan lanjut hubungi ASK di talian 03-2649180.



*TIK...* koreografi oleh Mohd. Shahril Akla membawa mesej tentang air dipersembahkan di Matic, Kuala Lumpur, malam esok.